

# $\xi^2$ -WAVES

## Kandungan

Kata-kata Aluan	2
Special Interest	3
Minggu FKE	4
I-ESIX 2018	5
Majlis Inovasi	6
Majlis Anugerah FKE	8
10000 Langkah FKE	9
Bengkel Penulisan	10
Hari Keluarga FKE	11
Team Building 2018	12
Sukan Indoor Game	13
Perundingan dan Penerbitan	14
Geran FKE	20
Khidmat Masyarakat	22
Info	23
Perarakkan Hari Malaysia	24
Ketua Unit: Dr. Zuraida	
AJK:	
Dr. Rosfariza Radzali	
Dr. Lly Nyl Ismail	
Dr. Intan Rahayu	
Dr. Alhan Farhanah	
Dr. Mohd Hanapiyah	
Dr. Nor Salwa	
Pn.Wan Salha Saidon	
Pn. Nur Atharah	
Pn. Aini Hafizah Mohd Saod	
Pn. Anith Nuraini	
Pn. Siti Azura	



Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Universiti Teknologi MARA  
Pulau Pinang

Phone: +604-3822784/2783



Faculty of Electrical Engineering



## Kata2 Aluan



Ts. Dr. Zainal  
Hisham Che Soh  
(KPP FKE)

## Ketua Pusat Pengajian

**A**ssalamualaikum dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, syukur kepada Allah S.W.T, yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas Jungjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarganya dan para sahabatnya.

Syabas dan tahniah kepada Unit Penerbitan FKE kerana buat kali ke kelima telah berjaya menerbitkan buletin FKE. Hasil kerjasama setiap anggota di Fakulti, FKE telah melakar banyak kejayaan dan pencapaian yang agak memberangsangkan.

Tahun 2018 meninggalkan FKE dengan pelbagai kejayaan, pencapaian, pengiktirafan dan kenangan yang mana sebahagiannya menjadi isi kandungan bagi buletin keluaran kali ini. Tahun 2018 di isi dengan pelbagai aktiviti dan penganjuran program yang melibatkan seluruh warga FKE. Berkat usaha keras serta kerjasama dari seluruh warga FKE, program yang dirancang dari awal tahun dapat disempurnakan dengan jayanya.

Alhamdulillah hari ini, seluruh warga FKE amnya, telah meletakkan FKE di tahap yang cukup membanggakan. Semoga FKE terus melangkah ke depan dalam penghasilan bahan ilmiah, menerbitkan penulisan yang berkualiti, menghasilkan inovasi-inovasi yang baru serta meluaskan jaringan industri dengan syarikat-syarikat terkemuka.

Di harap kecemerlangan ini dapat kita teruskan supaya FKE terus cemerlang. Justeru itu, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah yang tidak terhingga kepada seluruh warga FKE yang tidak pernah lokek memberikan idea, tenaga serta meluangkan masa demi menjayakan setiap sesuatu yang di usahakan.

Mengakhiri kata aluan ini, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam penyedian buletin ini. Sekian dan Terima Kasih.

## Editor E<sup>2</sup>- Waves

Alhamdulillah, untuk ke sekian kali kerana masih diberi kesempatan masa dan ruang untuk menyiapkan E2 –Waves bagi keluaran tahun 2018. Dalam kesibukan menjalankan tugas hakiki dan juga tugas-tugas tambahan, kumpulan editor E<sup>2</sup> – Waves Fakulti Kejuruteraan Elektrik UITM Pulau Pinang. Tetap memberikan kerjasama serta komitmen yang tinggi bagi memastikan E<sup>2</sup>- Waves edisi ke 5 berjaya diterbitkan pada masa yang telah ditetapkan. Sesungguhnya, dengan berhasilnya penerbitan E<sup>2</sup>-Waves ini mencerminkan kerjasama serta kesepakatan kumpulan editor untuk menyiapkan setiap tugas yang telah diberikan .

2018 telah membawa FKE pada satu tahap yang boleh dibanggakan sama ada dalam bidang akademik, penyelidikan, inovasi serta tugas-tugas kemasyarakatan. Namun setiap pengiktirafan serta kejayaan tidak membuatkan warganya leka malah lebih bersemangat untuk menjadi yang terbaik dari segala aspek. Keterlibatan FKE bukan sahaja dalam bidang pendidikan malah FKE merupakan institusi yang sering menjadi rujukan serta berjaya mengadakan jalinan industri yang baik dengan syarikat-syarikat ternama . Syabas di ucapan. Moga FKE terus melakar kejayaan demi kejayaan yang boleh dibanggakan.

Akhir kata, setinggi-tinggi terima kasih kepada kesemua rakan editor E<sup>2</sup> – Waves dan para penyumbang artikel yang tidak jemu-jemu memberikan sokongan. Semoga sokongan padu dari anda kepada E<sup>2</sup> - Waves akan terus kekal di masa akan datang. Bertemu semula pada Edisi ke 6 nanti . InshaAllah.



Dr. Zuraida Muhammad  
Ketua Editor

*Terima Kasih*





## Aktiviti SIG

Terdapat lima SIG di FKE UiTM Pulau Pinang dan satu EK Tier 5. Antara aktiviti yang dijalankan oleh SIG ini pada 2018:

**ACSCRG:** 2018 Advanced Rehabilitation Engineering & Image Processing Seminar (AREIPS2018) telah di adakan pada 19 feb 2018 di Sunway Hotel, Seberang Jaya. Seramai 30 orang peserta terdiri dari ahli ACSCRG dan juga pelajar pasca siswazah menyertai seminar ini untuk berkongsi hasil dari penyelidikan di bidang kepakaran yang dilaksanakan.



**MERG :** MERG mengambil inisiatif mengadakan temuduga terbuka kepada pelajar tahun akhir bersama Analog Devices Sdn Bhd ketika minggu FKE pada 13 November 2018. Seramai 43 pelajar menghadiri temuduga ini.

MERG juga turut membawa pelajar tahun akhir pengkhususan elektronik melawat kilang Analog Devices yang terlibat secara langsung di dalam industri "Semiconductor Packaging and Testing". Pelajar dapat melihat dengan lebih dekat tentang bagaimana litar bersepadu@IC di pakejkan.



**REM-** SIG ini telah menjadi hos kepada program khidmat masyarakat FKE pada 2018. REM telah membuat inovasi "Basikal Inovatif" yang sungguh kreatif menggunakan bahan pakai buang sedia ada. Basikal ini berupaya menukar tenaga kinetik hasil dari kayuhan kepada tenaga elektrik yang dapat di simpan dan di gunapakai.



# MINGGU FKE 2018



Pada tanggal 13 hingga 16 November 2018, program Minggu FKE 2018, *Electrical Engineering Week 2018* telah diadakan dengan jayanya hasil kerjasama warga Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dan Persatuan Mahasiswa Kejuruteraan Elektrik (PMKE).

Bertemakan "*Feel the Sparks*", pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang program tersebut berlangsung iaitu Electrical Wiring Competition, Forum bersama Alumni UiTM, Intel Seminar Talk, Industry Advisory Panel (IAP) Talk, Majlis Anugerah Dekan FKE dan Northern Robotics Festival (NOROFES 2018).

Minggu FKE 2018 ini merupakan salah satu platform untuk memberi pendedahan kepada masyarakat khususnya para pelajar tentang kejuruteraan elektrik termasuk aspek-aspek akademik, industri, kerjaya, keusahawanan dan banyak lagi. Program ini bukan sahaja dijayakan oleh warga FKE yang terdiri daripada pelajar dan staf fakulti, bahkan turut disertai oleh pihak luar seperti sekolah rendah dan sekolah menengah, masyarakat setempat serta peserta dari luar dengan adanya penganjuran seperti pertandingan robotik dan seminar bersama pihak industri. Semoga usaha murni ini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang, InsyaAllah.



# Konferensi Antarabangsa (I-ESIX 2018)

Tanggal 24 November 2018 telah berlangsung Konferensi International Engineering and Sciences Innovation Exhibition 2018 (I-ESIX2018) yang dianjurkan oleh FKE di ParkRoyal Penang Resort, Batu Feringghi.

Penganjuran program julung-julung kali itu menjadi agenda penting FKE dan komitmen UiTM Cawangan Pulau Pinang terhadap usaha-usaha menyemarakkan lagi budaya inovasi di kalangan staf akademik, industri dan pelajar. Selain itu, program ini juga merupakan platform bagi membolehkan ahli akademia, industri dan pelajar untuk mengetengahkan inovasi di dalam bidang masing-masing sehingga berjaya menghasilkan produk-produk inovasi yang mempunyai nilai komersil yang tinggi.

Sesungguhnya, Pertandingan Inovasi yang diadakan pada hari ini begitu signifikan kepada kita semua serta memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada peserta yang telah memerah idea bagi mencetuskan keunikan dalam penciptaan inovasi-inovasi terkini yang relevan demi menghasilkan sesuatu yang terbaik untuk rakyat dan keberhasilan negara.

Pengajuran sulung ini telah berjaya menarik lebih dari 70 penyertaan dari pelbagai platform bermula dari insitusi Pendidikan tinggi hingga ke sekolah-sekolah.

Pun begitu kualiti-kualiti projek yang dipertandingkan kali ini seolah-olah tidak menampakkan perbezaan di mana sekolah-sekolah juga berjaya membawa hasilan projek yang baik bagi meyaangi peserta dari universiti-universiti tempatan lain.

Syabas kepada penganjur dari FKE dan UiTMPP kerana berjaya merealisasikan program ini dan ianya diharapkan dapat diteruskan dilain tahun.



# MAJLIS KEMUNCAK BULAN INOVASI 2018

## UITM CAWANGAN PULAU PINANG

Majlis Kemuncak Bulan Inovasi 2018 UiTM Cawangan Pulau Pinang telah diadakan pada 14 Disember 2018 dan dirasmikan dengan gilang gemilang oleh Yang Berbahagia Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang, Prof Madya Ts Dr Mohd Hisbany bin Mohd Hashim.

Majlis perasmian telah diserikan dengan persembahan video gimik dan montaj sempena Bulan Inovasi yang dianjurkan oleh Fakulti Kejuruteraan Awam. Pada tahun 2018, staf dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah menunjukkan penglibatan aktif cemerlang di dalam bidang penerbitan, penyelidikan, jaringan industri dan inovasi sehingga FKE berjaya menerima beberapa anugerah yang membanggakan.

### ANUGERAH STAF

Anugerah Rektor	Prof. Madya Dr. Siti Noraini Sulaiman
Anugerah Khidmat Setia	En. Roslan Seman
Anugerah Pensyarah Produktif	En. Mohd Affandi Shafie
Anugerah Pesyarah Inovatif	En. Adi Izhar Che Ani
Anugerah Staf Sokongan Inovatif	Pn. Siti Saffura Sharipuddin
Anugerah Pensyarah Mesra Pelanggan	Dr. Ahmad Asri Abd Samat
Anugerah Staf Sokongan Mesra Pelanggan	En. Mohd Soufee Ismail
Anugerah Auditor Terbaik	Cik Noor Azila Ismail
Anugerah KIK	Pn. Norsabrina Sihab
Anugerah Staf Sokongan Contoh	En. Mohd Adnan Omar
Anugerah Penasihat Akademik	En. Mohd Sobri Said
Anugerah Pensyarah Contoh	Pn. Siti Sarah Mat Isa
Anugerah Penerbitan Platinum	En. Mohaiyedin Idris
	Dr. Mohd Nizam Ibrahim
	Dr.- Ing Emilia Noorsal
	Dr. Ahmad Asri Abd Samat



### Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Pn. Shahilah Nordin
Dr. Aslina Abu Bakar
Prof Madya Ir Dr Ahmad Rashidy Razali
Dr.-Ing Emilia Noorsal
Dr. Mohd Hanapiah Abdullah
Dr. Nor Salwa Damanhuri
Dr. Nor Azlan Othman
Pn. Ida Rahayu Mohamed Noordin
En. Nor Nasir Md Amin
En. Nor Hazllim Husin
Pn. Mahizan Abd Manan



# **MAJLIS KEMUNCAK**

## **BULAN INOVASI 2018**

Pada Majlis Kemuncak Bulan Inovasi 2018 UiTM Cawangan Pulau Pinang yang dianjurkan oleh Fakulti Kejuruteraan Awam, juga menyaksikan Fakulti Kejuruteraan Elektrik terus unggul dengan memenangi beberapa anugerah.

Pada tahun 2018, staf dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah menunjukkan penglibatan aktif dan cemerlang di dalam bidang penerbitan, penyelidikan, jaringan industri dan inovasi sehingga FKE berjaya menerima beberapa anugerah yang membanggakan. Pengiktifan ini membuktikan FKE begitu komited dari pelbagai aspek sehingga berjaya melakar kejayaan di tahap ini. Syabas.

### **ANUGERAH FAKULTI**

#### **KATEGORI PERAK**

- ♦ **ANUGERAH MUTIARA FAKULTI TER-BAIK**
- ♦ **ANUGERAH PENYELIDIKAN**



# Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Penghargaan

## Fakulti Kejuruteraan Elektrik 2018

Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Penghargaan Fakulti Kejuruteraan Elektrik 2018 yang telah diadakan pada 27 Disember 2018 lepas telah memasuki tahun kedua penganjurannya. Dengan objektif untuk memberi penghargaan kepada staf FKE yang cemerlang serta berpotensi dari segi kerja serta kepimpinan sepanjang tahun 2018, majlis yang telah di inspirasikan oleh KPP FKE, Prof Madya Ts Dr Siti Noraini ini juga sebagai memberi dorongan kepada staf yang lain untuk mencapai hasil kerja yang cemerlang. Adalah menjadi harapan, pengiktirafan ini dapat menjadi motivasi kepada setiap staf untuk mencontohi atau mengulangi kejayaan yang sama atau lebih baik pada tahun berikutnya.

Majlis pada tahun ini juga merakam sejarah dengan adanya agenda penyerahan tugas-tugas Ketua Pusat Pengajaran (KPP) dari Prof Madya Ts Dr Siti Noraini Sulaiman kepada Ts Dr Zainal Hisham Che Soh yang bakal menerajui fakulti sebagai KPP bermula Januari 2019. Pihak Fakulti mengucapkan setinggi ucapan terima kasih atas jasa dan bakti Prof Madya Ts Dr Siti Noraini sepanjang 2 tahun menerajui Fakulti sebagai Ketua Pusat Pengajaran.





Program 10000 Langkah bersama warga UiTMCPP telah berlangsung pada 22 Januari 2018 dengan jayanya di bawah anjuran Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dibawah pimpinan Pn. Siti Saffura Sharipuddin selaku Ketua Unit Sukan FKE. Program ini dirasmikan oleh yang berbahagia Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hisbany Bin Mohd Hashim selaku Rektor UiTMCPP yang turut diiringi oleh Timbalan Rektor HEA, Prof. Madya Ir. Dr. Ahmad Rashidy Bin Razali di perkarangan tempat letak kenderaan Perputakaan Tun Abdul Razak (PTAR). Objektif program dalam melahirkan warga UiTMCPP yang aktif dan cergas telah berjaya direalisasikan dengan sambutan yang diterima daripada semua pihak terutamanya staff akademik dan pentadbiran. Selain itu, program ini juga menjadi medan mengukuhkan ukhwah di kalangan warga UiTMCPP yang telah dibina dan juga mewujudkan jalinan ukhwah dikalangan staf yang baru berkhidmat di cawangan Pulau Pinang. Pelbagai aktiviti juga turut dirangka bagi menambahkan lagi minat dan penyertaan di kalangan warga UiTMCPP seperti senamrobik, photobooth, cabutan bertuah dan juga pencarian "Peserta Versatile".



# BENGKEL PENULISAN DAN PENERBITAN JURNAL BERIMPAK TINGGI HASIL DARI PENYELIDIKAN

Program ini dianjurkan bagi memberi penerangan dan tunjuk ajar kepada para pensyarah di FKE UiTMPP ke arah meningkatkan bilangan penerbitan artikel berimpak tinggi dalam bidang penyelidikan melalui penulisan jurnal. Penceramah jemputan adalah Dr. Juliana Johari dari FKE dan PM Dr Sabirin juga dari FKE, UiTM Shah Alam.

Program ini menjemput semua kakitangan akademik FKE UiTM Pulau Pinang melibatkan diri dalam program "Bengkel Penulisan dan Penerbitan Jurnal Berimpak Tinggi Hasil Dari Penyelidikan". Seramai 100 orang peserta telah menghadiri bengkel yang berlangsung selama dua hari di Bilik Perdana 1. Dari bengkel berkenaan, peserta telah di dedahkan mengenai pengiraan MyRA skor bagi Universiti Teknologi Mara. Para peserta juga di beri pererangan bagaimanakah cara untuk menghasilkan dan sekali gus berjaya menerbitkan hasil penulisan berimpak tinggi beserta indeks SCOPUS. Dari bengkel yang diadakan, penceramah juga turut berkongsi berkenaan inisiatif yang ditawarkan oleh Uitm sekiranya berjaya menerbitkan penulisan berimpak tinggi, Q1 jurnal.



Peserta Program Bengkel Penulisan dan penerbitan jurnal



Prof Juliana dan PM Dr Sabirin sedang berkongsi mengenai pengiraan MyRA skor bg UITM



Penyampaian cenderahati kepada penceramah jemputan PM Dr Sabirin



Sebahagian peserta bergambar bersama penceramah pada

Faculty of Electrical Engineering  
*The best ever life @ FKE the best*



جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Communications  
Engineering

Computer  
Engineering

Electronics  
Engineering

Power  
Engineering

Systems  
Engineering



Hari Keluarga Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) 2018 adalah program hari keluarga yang diadakan acara tahunan yang dijalankan setiap tahun untuk semua staf FKE serta ahli keluaraga masing-masing. Kali ini program ini diadakan pada 27 – 28 Oktober 2018 bertempat di BDB Darulaman Golf Resort Jitra, Kedah dan bermalam di sini.

Pelbagai aktiviti kekeluargaan seperti acara sukaneka bagi kanak-kanak serta dewasa telah diadakan pada hari pertama. Pada malamnya pula, jamuan BBQ diadakan dan perasmian Hari Keluarga ini telah dirasmikan oleh Ts Dr. Zainal Hisham Che Soh, selaku Ketua Pusat Pengajian FKE. Persembahan daripada anak-anak staf FKE juga diadakan bagi memeriahkan suasana. Seterusnya hari kedua adalah merupakan acara bebas dan para keluarga dapat bersuka ria dia Fantasia Aquapark yang berdekatan dengan hotel penginapan.

Hari keluarga ini dapat merapatkan



*“Sesungguhnya Allah menyukai hamba yang bekerja dan terampil. Siapa yang bersusah payah mencari nafkah untuk keluarganya maka ia serupa dengan seorang mujahid di jalan Allah.” Hadis riwayat Ahmad*

# *Team Building*


## Fakulti Kejuruteraan Elektrik 2018

Program Team Building Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) merupakan acara tahunan bagi semua staf FKE di UiTMCP. Bersempena bulan kemerdekaan Malaysia, Khamis, 30 Ogos 2018 telah berlangsung program Team Building FKE yang melibatkan beberapa kawasan di bandaraya Georgetown. Program ini adalah salah satu medium yang dilaksanakan dalam membudayakan dan memupuk semangat kerjasama dalam kalangan staf FKE amnya. Bagi tahun ini, seramai 107 peserta yang telah menyertai program ini yang diketuai oleh Puan Mahizan Manan.

Acara program yang bertemakan *Explore Race* ini telah berlangsung selama sehari di mana ianya melibatkan beberapa tempat iaitu

Terminal Jeti Pulau Pinang, Penang Interactive Museum dan Padang Kota Lama. Peserta terdiri daripada sembilan kumpulan kecil dan mereka perlu menyelesaikan empat tugas yang diberikan mengikut peraturan yang telah ditetapkan bermula di UiTMCP sehingga di Padang Kota Lama. Tugasan tersebut bertemakan hari kemerdekaan dan sejarah Malaysia.

Program team building kali ini telah dilaksanakan dengan jayanya seiring dengan objektif program untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan dan pengurusan dalam organisasi FKE dengan berkesan.



# Sukan Tahunan—*Indoor Game*

## Fakulti Kejuruteraan Elektrik 2018

Sukan antara staf Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) 2018 telah berlangsung dengan jayanya pada hari Rabu, 12 Disember 2018 di luang legar aras 7 blok perdana, UiTM Cawangan Pulau Pinang. Aktiviti sukan ini dianjurkan oleh Unit Sukan FKE yang diketuai oleh Puan Siti Saffura Sharipuddin. Antara objektif aktiviti sukan ini diadakan adalah untuk memupuk semangat kerjasama dan meningkatkan disiplin diri dalam kalangan staf bagi meningkatkan produktiviti diri di tempat kerja. Selain itu, sukan seperti ini dapat membudayakan kehidupan yang seimbang, sihat bagi meningkatkan kesihatan diri. Secara tidak langsung, ianya dapat menghilangkan tekanan kerja dan meningkatkan *Happiness Index* dalam kalangan staf FKE.


Sukan tahunan kali ini bertemakan *Indoor Game* yang mempunyai empat acara iaitu Dam Aji, Chess, Dart dan Karom. Pasukan yang terlibat adalah pasukan elektronik, kuasa, komunikasi, sistem dan komputer. Setiap pasukan perlu bertanding bagi semua kategori acara yang telah ditetapkan. Setiap pasukan mengumpul mata melalui setiap kategori perlawan.

Juara keseluruhan sukan FKE 2018 telah dimenangi oleh pasukan elektronik, diikuti oleh pasukan sistem, kuasa, komunikasi dan komputer. Aktiviti sukan tahunan ini telah berlangsung dengan jayanya seiring dengan objektif program dalam memberi impak produktiviti kerja selain mengeratkan ikatan ukhuwah



## PERUNDINGAN FKE 2018

TAJUK	KETUA PERUNDING	PERUNTUKAN	TAHUN	BULAN	PELANGGAN
PROPOSED STRUCTURAL INTEGRITY ASSESSMENT FOR 5 STOREY APARTMENT IN BRUNEI	MUHAMMAD FARRIS BIN KHYASUDEEN	4,000.00	2018	MAC	OSCO SDB BHD (MS JULIE FONG)
WORKSHOP ON BASIC ELECTRICAL ENGINEERING APPLICATION	DR BELINDA CHONG CHIEW MING	960.00	2018	MAC	INFOERA ACADEMY SDN BHD (MS IRENE KHOR)
PENGATURCARAAN KOMPUTER ROBOTIK	ADI IZHAR BIN CHE ANI	40,000.00	2018	MAC	BAHAGIAN PENYELARASAN & PENYERTAAN BUMI-PUTERA (ICU), JABATAN PERDANA MENTERI, PULAU PINANG
TRAINING ON ELECTRONIC TEST EQUIPMENTS	DR MOHAMAD FAIZAL BIN ABD RAHMAN	3,009.34	2018	MEI	POLITEKNIK METRo TASEK GELUGOR
BENGKEL PROFESIONAL DEBUG IN ENGINEERING CAMP	ADI IZHAR BIN CHE ANI	5,865.00	2018	JUL	POLITEKNIK METRO TASEK GELUGOR
TRAINING ON ELECTRONIC TESTING AND DEBUG	ENCIK SAIFUL ZAIMY BIN YAHAYA	10,000.00	2018	OKT	POLITEKNIK METRo TASEK GELUGOR
PENCERAMAH JEMPUTAN BAGI SEMINAR KESELAMATAN DATA DAN SISTEM TERBENAM UNTUK INDUSTRI 4.0 DI JMTI	DR. ZAINAL HISYAM CHE SOH	150.00	2018	DIS	INSTITUT TEKNIKAL JEPUN MALAYSIA (JMTI), PULAU PINANG




Perbandingan nilai projek perundingan mengikut fakulti/jabatan bagi tahun 2018 - laporan tahunan PJIA&M 2018

# PENERBITAN FKE 2018

Bagi tahun 2018, jumlah penerbitan bagi FKE yang dilaporkan oleh Unit Penerbitan Kampus UiTMCPP adalah sebanyak 45. FKE telah berjaya menyumbangkan 22 artikel yang didalam Journal yang berimpak tinggi manakala sebanyak 23 artikel telah diterbitkan didalam proceeding.

## NUMBER OF PUBLICATION (2018) - FACULTY



Perbandingan bilangan penerbitan mengikut fakulti/jabatan bagi tahun 2018 - laporan tahunan PJIA&M 2018

# PENERBITAN TAHUN 2018

Hasil penerbitan staf FKE pada tahun 2017 adalah memberansangkan. Antara jenis penerbitan yang dihasilkan ialah chapter(s) in book, jurnal dan kertas kerja yang dibentangkan di berberapa persidangan di dalam dan luar negara. Berikut pen-

No	Authors	Publication Title
1	Zuraida Muhammad, Zakiah Mohd Yusoff	Application of Self-Tuning Fuzzy PID (STFPID) Controller on Industrial Essential Oil Extraction System Using System Identification Approach,
2	Isidore Ferodolin, Zuraida Muhammad	Self-tuning fuzzy logic controller with smith structure for controlling essential oil extraction process
3	Zakiah Mohd Yusoff, Zuraida Muhammad	Performance Evaluation on Simulation and Real Time Study: Steam Temperature Control Using Fuzzy Based Controller in Extraction Process,
4	Nor Azlan Othman	The Need to Calculate Target Glucose Levels When Measuring Changes in Insulin Sensitivity During Interventions for Individuals With Type 2 Diabetes
5	Zainal Hisham Che Soh,S.A.C. Abdullah, M.A. Shafie and M.N. Ibrahim	Code Coverage of T-way Test Suite Data on Distributed Environment
6	Amin Sabirin Tajudin, Siti Noraini Sulaiman, Iza Sazanita Isa, Zainal Hisham Che Soh, Nooritawati Md Tahir, Noor Khairiah A. Karim and Ibrahim Lutfi Shuaib	AN IMPROVED WATERSHED SEGMENTATION TECHNIQUE FOR MICROBLEEDS DETECTION IN MRI IMAGES
7	Iza Sazanita Isa, Siti Noraini Sulaiman, Nooritawati Md Tahir, M. F. Abdullah, Zainal Hisham Che Soh, Mustapha Muzaimi and Noor Khairiah A. Karim	AN AUTOMATED MULTIMODAL WHITE MATTER HYPERINTENSITY IDENTIFICATION FOR MRI IMAGES USING IMAGE PROCESSING
8	Amin Sabirin Tajudin, Siti Noraini Sulaiman, Iza Sazanita Isa, Zainal Hisham Che Soh, Nooritawati Md Tahir, Noor Khairiah A. Karim and Ibrahim Lutfi Shuaib	MICROBLEEDS DETECTION USING WATERSHED-DRIVEN ACTIVE CONTOUR
9	Siti Noraini Sulaiman, Nooritawati Iza Sazanita Isa, Md Tahir, M. F. Abdullah, Zainal Hisham Che Soh, Mustapha Muzaimi and Noor Khairiah A. Karim	CLASSIFICATION AND GRADING OF WHITE MATTER HYPERINTENSITY SEVERITY BY USING AUTOMATED DETECTION
10	Zainal Hisham Che Soh, Mohd H. Ismail, Firzana H. Otthaman, Muhamad K. Safie, Muhamad A. A. Zukri and Syahrul A. C. Abdullah	Development of automatic chicken feeder using Arduino Uno
11	Syahrul Afzal Che Abdullah, Zainal Hisham Che Soh, Shahranai Shahbudin and Kamal Z Zamli	Integrating crash recovery support for t-way test generation strategy
12	Zainal Hisham Che Soh, SITI NORAINI BINTI SULAIMAN, MOHD AFFANDI BIN SHAFIE, SYAHRUL AFZAL BIN CHE ABDULLAH	Water Consumption Management via iot on Ubidots
13	Zainal Hisham Che Soh, INTAN RAHAYU BINTI IBRAHIM, ASLINA BINTI ABU BAKAR, IRNI HAMIZA BT HAMZAH	Home Energy Consumption Management via iot on Ubidots
14	Nur Hainani Othman, Lee Yoot Khuan, Afaf Rozan Mohd Radzol, Wahidah Mansor	PCA-KNN for Detection of NS1 from SERS Salivary Spectra
15	Siti Azura Ramelan, Anith Nuraini Abd Rashid, Najwa Mohd Faudzi, Siti Sarah Mat Isa, Aiza Mahyuni Mozi (editor)	Industrial Training Handbook

No	Authors	Publication Title
16	Muhammad Fakhrurrazi Bin Mod Zaifudin, Siti Solehah Binti Md Ramli, Nur Darina Ahmad	A Study Of Breakdown Voltage Characteristic Of Mixture Corn Oils And Palm Kernel Oil As Transformer Insulating Material
17	Mazlina Razali, Najwa Mohd Faudzi, Zainab Mohamed, Khairul Azhar Ismail,	Time Frequency Domain Analysis On Shotcrete Bonding State Using IE-SASW Method
18	Intan Rahayu Ibrahim, Mohd Najib Mohd Hussain, Zainal Hisham Che Soh, Mohd Affandi Shafie, Ahmad Maliki Omar	Development of a New Toplogy of a Single Phase 21-level Cascaded H-Bridge Multilevel Inverter for Dual-Power PV-grid System
19	Intan Rahayu Ibrahim, Emilia Noorsal, Ahmad Maliki Omar	Power Converter for Dual-Power PV-Grid System Utilizing Optimized Switching Angles of 21-Level Cascaded H-Bridge Multilevel Inverter
20	Intan Rahayu Ibrahim, Mohd Najib Mohd Hussain, Zainal Hisham Che Soh, Mohd Affandi Shafie, Ahmad Maliki Omar	Development of a New Toplogy of a Single Phase 21-level Cascaded H-Bridge Multilevel Inverter for Dual-Power PV-grid System
21	AZMAN AB MALIK, AZMAN AB MALIK, SITI MARWANGI MOHD MAHARUM, MOHD ZUL WAQAR MOHD TOHID, IRNI HAMIZA BT HAMZAH, MUHAMMAD KHAIRIL RAHMAT, NUR FAZIRA HARIS, MUHAMMAD LOKMAN MANSOR	POWER MONITORING SYSTEM FOR WIND TURBINE IN DUCTING SYSTEM USING ARDUINO AND LABVIEW APPLICATION
22	WIDYA KARTINI MOHAMMAD RAZALI, NIK GHAZALI NIK DAUD, F. R. HASHIM, AZMAN AB MALIK, IRNI HAMIZA BT HAMZAH, SAHFIS SAHLAN, MUHAMMAD ARIFF HADZRAMI, MUHAMMAD ZAID ZUKI, PRSAN RAVETHRAN	PARAMETER INFLUENCE IN WIRELESS POWER TRANSFER SYSTEM USING ANALYSIS OF TAGUCHI METHOD
23	AZMAN AB MALIK, SITI MARWANGI MOHD MAHARUM, MOHD ZUL WAQAR MOHD Azman Ab Malik, TOHID, ZULHAIMI BIN MUHAMMAD, IRNI HAMIZA BT HAMZAH, ZAINI ABD HALIM, MUHAMMAD KHAIRIL RAHMAT, NUR FAZIRA HARIS	DEVELOPMENT FOR THE STAND OF SOLAR PHOTO-VOLTAIC BASED ON THE DIRECTION AND ANGLE ANALYSIS AT NORTH PENINSULAR MALAYSIA
24	A. ABU BAKAR, AZMAN AB MALIK, WIDYA KARTINI MOHAMMAD RAZALI, F. R. HASHIM, IRNI HAMIZA BT HAMZAH	SUPERIMPOSED TECHNIQUE IN WIRELESS POWER TRANSFER
25	AZMAN AB MALIK, SITI MARWANGI MOHD MAHARUM, MOHD ZUL WAQAR MOHD TOHID, IRNI HAMIZA BT HAMZAH, MUHAMMAD KHAIRIL RAHMAT, NUR FAZIRA HARIS, MUHAMMAD LOKMAN MANSOR, MUHAMMAD HANIF CHE HASNI	ANALYSIS ON THE PERFORMANCE OF 500W WIND TURBINE IN DUCTING SYSTEM
26	Nur Hainani Othman, Lee Yoot Khuan, Afaf Rozan Mohd Radzol, Wahidah Mansor	PCA-QDA Model Selection for Detecting NS1 Related Diseases from SERS Spectra of Salivary Mixtures
27	Afaf Rozan Mohd Radzol, Lee Yoot Khuan, Wahidah Mansor	Optimized Automated Baseline Correction for NS1 Adulterated Salivary Raman Spectra
28	Nur Hainani Othman, Lee Yoot Khuan, Afaf Rozan Mohd Radzol, Wahidah Mansor	Detection of NS1 from SERS Spectra of Adulterated Saliva Using ANN

No	Authors	Publication Title
29	Muhammad Sailuddin Darus, Iza Sazanita Isa, Nooritawati Md Tahir, Siti Noraini Sulaiman	Modified Hybrid Median Filter with Local Preserving for Removal of Low Density Random-Valued Impulse Noise in Images
30	Amin Sabirin Tajudin, Iza Sazanita Isa, Zainal Hisham Che Soh, Noor Khairiah A. Karim, Ibrahim Lutfi Shuaib, Siti Noraini Sulaiman	A New Technique of Flow Voids Segmentation on MRI Image for Cerebrovascular Disease
31	Nurulazlina Ramli, Sarfaraz Ahmed, Anis Fariza Md Pazil, Najwa Mohd Faudzi	Energy efficient automatic street light intensity control by infrared sensors and LED
32	Zainal Hisham Che Soh, Muhammad S. Shafie, Mohd Affandi Shafie, Mohammad Nizam Ibrahim, Syahrul Afzal Che Abdullah	IoT Water Consumption Monitoring & Alert System
33	Syahrul Afzal Che Abdullah, Basyr Ad- am, Zainal Hisham Che Soh, Fadhlhan Ha- fizhelmi Kamaru Zaman, Bibi Norasiqin Sheikh Rahimullah, Ahmad Farid Abidin	Think-Pair-Share Strategy using Smartphone to Assist In-class Formative Assessment
34	Lily Nyl Ismail, Melvin Welan Mathew, Norsabrina Sihab, Ahmad Asri Abd Samad, Nur Ashida Salim	Insulation Properties of PMMA:tio2 Nanodielectric Film for High Voltage Application
35	Muhammad Naqiuddin, Nur Najihah Sofia, Iza Sazanita Isa, Siti Noraini Sulaiman, Noor Khairiah A. Karim, Ibrahim Lutfi Shuaib	Lesion Demarcation of CT- Scan Images using Image Processing Technique
36	Yusnita Mohd Ali, Muhammad Hafiz Mu- rad, Nor Fadzilah Mokhtar, Aida Zulia Zulhanip, Mohayedin Idris	Automatic gender recognition using Linear Prediction Coefficients and Artificial Neural Network on speech signal
37	Noor Ezan Abdulllah, Nina Korlina Ma- dzhi, Abg Mohd Azamudin Abg Yahya, a'zraa Afhzan A.Rahim, Anis Diyana Rosli	ANN Diagnostic System for Various Grades of Yellow Flesh Watermelon Based on the Visible Light and NIR Properties
38	Muhammad Aminuddin Mohamed, Rosfariza Radzali, Azhar, Ainorkhilah Mahmood , Alhan Farhanah Abd Rahim, Aslina Abu Bakar and Siti Fatimah Zulkifli	Properties of Porous Silicon by Two-Step Alternating Current Photo-Assisted Electrochemical Etching (ACPEC) Technique under Different Applied Current Density for MSM Photodetector Device Application
39	Siti Nor Fathiah Muhammad Zubir, Nur Darina Ahmad, Siti Solehah Mad Ramli, Raha Muhammad Reza Raja Ibrahim, Mohd Fikri Hilmi Mohd Taib	A Study of Aging Determination on Palm Oil as an Insulating Medium
40	Nor Salwa Damanhuri, Nor Azlan Othman	Model-based Method in Assessing Breathing Effort in Mechanically Ventilated Patients in Malaysian ICU Hospital
41	Nor Salwa Damanhuri	Is Malaysia Education Sector Ready for Industry Revolution 4.0? A Multi-Stakeholder Perspective.
42	Rosfariza Radzali, Lly nyl, intan rahayu, Wan Salha, Nur Atharah, Alhan Farhanah, Mohd Hanapiah, Zuraida Muhammad, Nor Salwa, Aini Hafizah, Anith Nuraini, Siti Azura	E2-Waves


No	Authors	Publication Date
43	Zakiah Mohd Yusoff, Zuraida Muhammad, Amar Faiz Zainal Abidin, KA Nur Dalila, Noor Fadzilah Razali1, Masmaria Abdul Majid and KK. Hasan	Smart Clothline system based on internet of thing (IOT)
44	Khairul Azman Ahmad, Asrulnizam Abd Manaf; ZAKARIA BIN HUSSAIN, ZURIATI BINTI JANIN	Design Flexural Piezoelectric Acoustic Transducers Array Based D33 Mode Polarization
45	Khairul Azman Ahmad, NOR HAFIZAH HANIS BINTI ABDULLAH, BADRUL NIZAM BIN ISMAIL	Development Rubber Mat for Electrical Insulation in Laboratory using Rubber Crumb
46	Nor Hafizah Hanis Abdullah, KHAIRUL AZMAN BIN AHMAD, BADRUL NIZAM BIN ISMAIL	Potential Use of Rubber Crumb as Floor Junction Box Cover: A case study in uitm Pulau Pinang
47	Khairul Azman Ahmad, ZAKARIA BIN HUSSAIN, ZURIATI BINTI JANIN, ASRULNIZAM ABD MANAF	Piezoelectric micromachined ultrasonic transducers array based on d33 mode polarization method
48	Abdul Hafiz Abu Samah, Mohamad Faizal Abdul Rahman, Ahmad Fairuz Omar, Khairul Azman Ahmad, Saiful Zaimy Yahaya,	Sensing mechanism of water turbidity using LED for in situ monitoring system
49	Khairul Azman Ahmad, Noramalina Abdullah, Asrulnizam Abd Manaf,	D33 mode based piezoelectric micromachined ultrasonic transducers
50	Mohamad Faizal Abd Rahman,S.M Radzuan, Zakaria Hussain, Mohd Farris Khyasudeen, Khairul Azman Ahmad, Fadzil B Ahmad, Adi Izhar Che Ani	Performance of loiter and auto navigation for quadcopter in mission planning application using open source platform
51	Khairul Azman Ahmad, Mohamad Faizal Abdul Rahman, Zakaria Hussain, Muhammad Khusairi Osman, Asrulnizam Abd Manaf, Noramalina Abdullah, Siti Noraini Sulaiman, Mohd Firdaus Abdullah.	Design and Development of D33 Mode Piezoelectric Acoustic Transducer Array using PVDF for Underwater Application
52	Ahmad Puad Ismail, Mohd Helmi Bin Hasmadi, Nazirah Mohamat Kasim, Kamarulazhar Daud	Improved Traffic Light technologies based on Image Processing
53	Kamarulazhar Daud	Detection and Classification of Power Quality Disturbances based on Windowing Technique and Support Vector Machine
54	Mohd Daud A. Hassan, Mohd Affandi Shafie, Kamarulazhar Daud, Ahmad Puad Ismail	Data Encryption Standard (DES) in Network Transmission
55	Muhammad Iqbal Mohd Zakki, Mohd Najib Mohd Hussain, and Nawawi Seroji	Implementation of Particle Swarm Optimization for tuning of PID controller in Arduino Nano for Solar MPPT system

# GERAN PENYELIDIKAN 2018

Tajuk	Ketua Projek	Ahli	Nilai Geran (RM)	Sumber Geran	Tempoh
Automated Vibration Detector For Multi-rotor	Mr. Daniel Kho (Synvue Sdn Bhd)	Dr. Wan Mohd Yusof Rahiman (USM) , PM Dr Junita Mohamad Saleh (USM), Azwati Azmin	370,500	CREST	2018-2021
Autonomous Unmanned Aerial Vehicle Precision Landing On A Moving Platform Using Light Detection and Ranging (LIDAR) and Real-Time Kinematics Global Positioning System (RTK GPS) For Marine Application	Muhammad Farris b Khyasudeen	Dr Mohamad Faizal Abd Rahman, Abdul Malek Saidina Omar, Dr Saaidal Razalli Azzuhri	552,270	CREST	2018-2020
A Dynamic Supervision of Laboratory Experiment Using Windows-Based Application	Aini Hafizah Mohd Saod	Nur Athiqah Harron, Siti Azura Ramli, Faridah Abdul Razak, Shahidah Sadi-	10,000	ARAS	2016-2018
Formulation of A Robust Image Segmentation Framework for Micro Bleeds Detection in MRI Images of Cerebrovascular Diseases	Dr Siti Noraini binti Sulaiman	Prof. Dr. Nooritawati Md Tahir, Iza Sazanita Isa, Prof. Madya Dr. Zakaria Hussain, Prof. Dr. Ibrahim Lutfi Shuaib, Noor Khairiah A. Karim	71,000	FRGS	2017-2020
Characterization of Visible-NIR Properties from Latex Samples for Identification of RRIM Latex Timber Clone Series	Noor Ezan Abdullah	A'zraa Afzhan Abdul Rahim, Dr. Nina Korlina Madzhi, Anis Diyana Rosli, Dr. Mahanjah Md Kamal	20,000	LESTARI	2017-2019
A Comprehensive Investigation of Potential Biomass Bamboo Dielectric Parameter for Microwave Absorber	Azizah Ahmad	PM Ir. Dr. Ahmad Rashidy Razali, Najwa binti Mohd Faudzi, Norhayati Mohamad Noor, Hasnain Abdullah@ Idris, Nazirah Mohamat Kasim	81,000	FRGS	2017-2019
Properties and Growth Mechanism of Novel Integrated Pulsed Electrochemical Etching of Porous GaN for Potential Optoelectronics Application	Alhan Farhanah Abd Rahim	Dr. Rosfariza Radzali, Dr. Ainorkhilah Mahmood, Dr. Llyl Nyl Ismail, Siti Zubaidah Md Saad, Prof. Dr. Mohamad Rusop, Dr. Sukreen Hana	118,000	FRGS	2016-2018
Optimization of System Identification for Module Mismatch Distributed PV System	Mohd Najib Bin Mohd Hussain	Mohd Najib Bin Mohd Hussain, Noor Azila Binti Ismail, Mohammad Nizam Bin Ibrahim, Intan Rahayu Binti Ibrahim	63,200	FRGS	2016-2018
Investigation of Rotor Losses in PMSM Using Analytical Subdomain Model	Dr Dahaman Ishak	Ahmad Asri Bin Abd Samat, Dr. Shahid Iqbal, Mohd Rezal Bin Mohamed	101,800	PRGS	2016-2018
Fesibility Study of Flexible Stimulation Waveforms For Muscle Fatigue Reduction in FES Assisted Hemiplegic Activities	Mohammad Nizam Ibrahim	Emilia Noorsal, Saiful Zaimy Yahaya, Rozan Boudville, Zakaria Hussain	10,000	ARAS	2016-2018
Development of Semiconductor Fabrication Process and Device Characterization Modules using SILVACO TCAD for The Learning of Semiconductor Fabrication Technology	Siti Zubaidah Md Saad	Dr Alhan Farhanah Abd Rahim, Dr Rosfariza Radzali, Dr Llyl Nyl Ismail, Musa Mohamed Zahidi	10,000	ARAS	2016-2018

# GERAN PENYELIDIKAN 2018

Tajuk	Ketua Projek	Ahli	Nilai Geran (RM)	Sumber Geran	Tempoh
To Study The Effectiveness of Flip Classroom For Basic Communication System (ECM241) and Basic Electronic 1 (ELE232) Courses in FKE, UiTM Pasir Gudang	Norlina Binti Mohd Zain	Mastura Binti Omar, Nur Darina binti Ahmad, Norlee Husnafeza binti Ahmad, Aznilinda binti Zainodin	10,000	ARAS	2016-2018
New ROI-Based Features Extraction Method Based on White Matter Lesions From MRI Images of Small Vessel Stroke Predisposition	Iza Sazanita Isa	Siti Noraini Sulaiman, Prof. Dr. Nooritawati Md Tahir, Mohd Firdaus Abdulla, Muzaimi Mustpha,	97,500	FRGS	2015-2018
Wearable Flexible Polymer based Antenna Design Incorporates highly Conductive Radiating element for body Centric Wireless Communication	Aslina Abu Bakar	PM Ir Dr Ahmad Rashidy, PM Dr Tarmizi Ali, Syazwan Osman	77,400	FRGS	2015-2018
An Automated SERS Based Detection System For Febrile Phase Of NS1 Related Viral Diseases	Lee Yoot Khuan	Afaf Rozan Mohd Radzol, Wahidah Mansor	132,000	EScience	2015-2018
Think-Pair-Share Strategy Using Smartphone To Assist In-Class Formative Assessment	Syahrul Afzal Che Abdullah	Zainal Hisham bin Che Soh, Shahrani Shabudin, Ahmad Asari Suaiman, Fadlan Hafizhelmi Kamara zaman	20,000	ARAS	2015-2018
Variable Strength T-Way Test Generation Strategy with Crash Recovery Support	Syahrul Afzal Che Abdullah	Zainal Hisham bin Che Soh, Shahrani Shabudin, Ahmad Farid Abidin	20,000.00	LESTARI	2014-2017
Distributed T-way Testing System Using MapReduce Mechanism on Hadoop Cluster	Zainal Hisham bin Che Soh	Syahrul Afzal Che Abdullah, Siti Noraini Sulaiman, Emilia Noorsal, Kamal Zuhairi Zamli	204,000.00	EScience	2014-2018
Formulation of a Novel Flexible Digital Stimulation Control Algorithm for an Efficient Wearable Closed-Loop Multi-channel FES.	Emilia binti Noorsal	Mohd Nasir Bin Taib, Zakaria Bin Hussain, Saiful Zaimy Bin Yahaya, Yusnita Binti Mohd Ali, Mohammad Nizam Bin Ibrahim	74,000	FRGS	2019-2020
Formulation of a non-linear bi-phasic insulin secretion in interpreting the physiological pattern of pancreatic $\beta$ -cells functions	Nor Azlan Othman	Nor Salwa Damanhuri, Sarah Addyani Shamsudin	68,600	FRGS	2019-2020



# KHIDMAT MASYARAKAT 2018

Program Khidmat Masyarakat FKE 2018 telah berlangsung pada 24 Oktober 2018 di dua lokasi berbeza iaitu di Taman Tunku Seberang Jaya dan Upcycle Park Perda. Program ini telah dirasmikan oleh ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai, Puan Shuhada Abdul Rahim. Program ini bertujuan untuk menjalinkan hubungan silaturahim antara warga FKE UiTM Pulau Pinang dengan masyarakat, memberi perkhidmatan dan sumbangan dari segi tenaga dan kemahiran kepada masyarakat,




# CARA MENANGANI TEKANAN DI TEMPAT KERJA

"Malasnya nak ke ofis, kan syok kalau boleh duduk rumah atau keluar jalan-jalan. Tak payah nak menghadap bos 24 jam, tak sakit mata dan hati dengan kaki gosip, kaki ampu. Makin tak seronok nak kerja situ. Pelbagai lagi rungutan menunjukkan anda sudah mula mengalami gejala tekanan di tempat kerja dan mula hilang minat untuk bekerja.



Awas jika anda mula merasai perubahan minat pada kerja atau persekitaran kerja anda, anda mungkin sedang mengalami tekanan di tempat kerja. Tidak dapat dinafiikan persekitaran kerja yang seronok, 'fun' dan tidak stress adalah impian setiap pekerja. Namun persekitaran kerja yang kurang baik tidak bermakna anda tidak boleh menjadi pekerja yang cemerlang. Di sini ingin saya kongsikan beberapa tips bekerja dengan ceria dan cara menghindari stress di tempat kerja.



## 1. CARI KAWAN YANG RAPAT

Sangat penting untuk mencari kawan rapat yang sependapat dan boleh berkongsi masalah di tempat kerja. Dalam keadaan kecemasan, kawan yang rapat adalah orang yang boleh kita harapkan sekaligus dapat mengurangkan beban di tempat kerja



## 2. HIAS MEJA KERJA

Ofis menjadi rumah kedua kerana hampir separuh hari kita menghabiskan masa di sana. Sangat penting untuk kita menyusun, mengemas dan menghias meja atau ruang kerja agar sentiasa kemas dan tersusun. Perkara ini penting bagi mewujudkan "mood" ceria dan bersemangat dalam melakukan tugas yang diamanahkan.



## 3. LAKUKAN SESUATU YANG ANDA SUKAI

Cari masa untuk melakukan perkara yang anda minat misalnya pada waktu 'break', anda boleh menelayari laman sesawang untuk mencari info berkenaan hobi yang anda minati. Untuk golongan wanita, mungkin inilah masa untuk melakukan pembelian atas talian dan melihat koleksi terbaru hand-



## 4. BUAT BENDA BARU

Sesekali cuba keluar dari suasana kebiasaan contohnya dengan menghadiri kursus ataupun seminar. Program seperti ini bukan sahaja mampu mengurangkan stress di tempat kerja malah banyak manfaat yang anda akan perolehi dari menghadiri program di luar. Sesekali mungkin anda juga perlukan ruang dan suasana yang berbeza dalam bekerja

## 5. ELAK SEMUA YANG NEGATIF

Perkara negatif adalah satu perkara yang amat perlu dielakkan semasa di tempat kerja. Cuba elakkan diri dari mereka yang suka membulunkan kontroversi, gosip dan mereka yang membawa aura negatif. Sentiasa positif adalah kunci keseronokan di tempat kerja.



## 6. 'BUANG' MASALAH PERIBADI

Biasanya apabila tertekan dengan isu peribadi, secara tak langsung boleh mempengaruhi emosi ketika berada di ofis. Untuk menjadi pekerja yang cemerlang anda seharusnya mengambil sikap tidak mencampur adukkan masalah peribadi sehingga menjelaskan prestasi kerja. Sebab itu, sebaik masuk di ofis, 'buang' semua masalah



## 7. SELALU BERGERAK

Duduk sepanjang masa pun bukannya sihat, jadi sesekali bangun dan lakukan senaman ringan. Paling mudah anda boleh menggunakan tangga sebagai ganti bergerak dari satu tingkat ke tingkat yang lain. Selain mengurangkan tekanan di tempat kerja anda juga sekaligus mengamalkan budaya hidup



**PROGRAM SAMBUTAN HARI MALAYSIA  
PERINGKAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN  
PULAU PINANG-13/09/2018  
FKE : NAIB JOHAN**

